



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	9/4/2021	MUKA SURAT	: 28
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

Oleh Ramli Ibrahim  
am@hmetro.com.my

## Gua Musang

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) berjaya menangkap gajah liar yang memijak dua lembu penduduk hingga mati minggu lalu.

Pengarahnya, Ady Ermanty Haniff Mohamed Hanif berkata, gajah itu ditangkap jam 1 tengah hari kelmarin di kawasan tidak jauh daripada tempat kejadian di Kampung Subong di sini.

Beliau berkata, lapan anggota jabatan itu melancarkan operasi menangkap gajah liar terbabit sebaik menerima aduan daripada penduduk.

Katanya, pihaknya juga menerima aduan daripada penduduk Kampung Kundur dan Pangong Lalat di sini, apabila dipercayai gajah yang sama memasuki kebun mereka.

"Berdasarkan siasatan, gajah jantan yang ditangkap itu dianggarkan berusia 15 hingga 20 tahun dan ukuran tapak kaki 13 inci (33 sentimeter)," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Minggu lalu, 30 penduduk di Kampung Lembaga kerugian RM50,000 apabila 300 pokok pisang mereka dimusnahkan gajah itu.

Selain itu, dua lembu milik seorang penternak di situ mati dipijak gajah liar terbabit.

Ady Ermanty Haniff berkata, gajah itu dipercayai

## DUA LEMBU MATI DIPIJAK GAJAH

# Pak belalai liar kena tangkap

Harian Metro 9/4/2021 m/s 28



LEMBU yang mati dipijak minggu lalu

GAJAH liar yang ditangkap di kawasan tidak jauh daripada tempat kejadian di Kampung Subong.

berpecah daripada sekumpulan 20 gajah dari Hutan Simpan Nenggiri dan ke-

luar masuk hutan itu untuk mencari sumber makanan.

Beliau berkata, gajah itu masih berada di lokasi tangkapan sementara menunggu operasi perpindahan.

Katanya, pemindahan itu akan dibantu kakitangan Pu-

sat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah Lanchang, Pahang.

"Operasi pemindahan itu dalam masa terdekat ini turut digunakan dua gajah de-nak Kasturi dan Rambai," katanya.